



JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

KENYATAAN MEDIA MEDIA RELEASE

Tingkat 3,5,& 20, West Block,
Wisma Selangor Dredging,
142-C Jln. Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel : 03-21610577/ Faks : 03-21621470
Laman web : www.jakoa.gov.my

No. Rujukan : JAKOA.A1.277/1 Jld.4 ()

Tarikh : 18 Ogos 2016

HAMPIR RM20 JUTA BANTU PELAJAR ORANG ASLI KE LUAR NEGARA

Seramai 12 pelajar Orang Asli yang ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara telah diraikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di dewan kementerian pada 17 Ogos 2016. Mereka merupakan para pelajar Orang Asli yang telah terpilih untuk mengikuti Program Ijazah Luar Negara (PILN) JAKOA tahun 2016. Daripada 12 pelajar tersebut, 6 orang akan ke United Kingdom (Ijazah, Master dan PHD), 4 orang akan ke Korea (Ijazah), seorang akan ke Amerika Syarikat (Ijazah) dan seorang akan ke India (Ijazah).

Pada bulan Julai yang lalu, 2 pelajar telah berangkat ke Australia (Master), manakala baki 4 pelajar sedang menunggu surat tawaran. Jumlah keseluruhan pelajar Orang Asli yang dihantar ke luar negara pada tahun ini adalah 18 orang, melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh kementerian pada tahun 2016 iaitu sekurang-kurangnya 15 pelajar.

Sejak program penghantaran pelajar Orang Asli yang bermula sejak tahun 2010 sehingga tahun 2015, seramai 54 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Dengan tambahan 18 pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara pada tahun ini, menjadikan jumlah keseluruhan seramai 72 orang.

YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob dalam ucapannya berkata, "Kejayaan yang dicapai Masyarakat Orang Asli pada hari ini sudah diiktiraf. Kita berbangga dengan 105 pelajar Orang Asli yang diterima untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) pada tahun ini setelah mencatat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PT-3 pada tahun lalu. Jika budaya ini disambung oleh pelajar-pelajar Orang Asli yang lain, saya yakin pelajar-pelajar Orang Asli akan menjadi pencabar baru yang digeruni di dalam pendidikan di negara ini".

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) juga telah menetapkan sasaran kepada JAKOA supaya meningkatkan peratusan pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi dalam negara sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan calon SPM dan STPM. Oleh yang demikian, pada tahun 2016 ini JAKOA akan menghantar seramai 350 orang pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi dalam negara daripada 1,754 calon yang telah mengambil peperiksaan tersebut.

Demi membantu masyarakat Orang Asli mendapatkan pendidikan yang sepatutnya, kementerian telah memperuntukkan bantuan sebanyak RM13.79 juta untuk pengangkutan dan RM4.5 juta untuk wang saku demi memastikan kelancaran pengurusan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Strategi meningkatkan pencapaian akademik pelajar Orang Asli telah dimulakan sejak peringkat sekolah rendah lagi. Pihak kementerian melalui JAKOA telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) di Rompin, Pahang. PIPOA yang mula beroperasi pada tahun 2012 hingga sekarang, telah menempatkan

seramai 378 orang pelajar Orang Asli yang mempunyai keputusan yang sederhana. Kesemua pelajar yang terpilih ini akan diberikan pendedahan awal dan latihan intensif untuk menghadapi peperiksaan PT-3. PIPOA yang turut dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik bacaan, perpustakaan, asrama penginapan pelajar lelaki dan perempuan, dewan makan serta dewan serba guna mampu menjadi wadah dalam melahirkan lebih ramai pelajar Orang Asli cemerlang di dalam peperiksaan PT-3.

Kementerian juga memandang serius mengenai isu keciciran di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh kerana itu kementerian telah menetapkan supaya JAKOA memberi fokus kepada penurunan kadar keciciran terutamanya daripada sekolah rendah ke sekolah menengah. Oleh yang demikian, peratusan kadar keciciran juga telah menurun pada tahun 2016 iaitu sebanyak 17.19% berbanding 20% pada tahun 2015.

Walaupun, sasaran ini perlu mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya daripada ibu bapa dan juga guru-guru. Bagi memastikan sasaran ini berjaya dicapai, JAKOA telah mengatur pelbagai aktiviti dan program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dikalangan ibu bapa dan pelajar-pelajar mengenai kepentingan pendidikan. Antara aktiviti-aktiviti dan program-program yang dianjurkan JAKOA ialah kelas-kelas motivasi, Program Mesra Minda dan Program Mesra Didik.

Dikesempatan ini juga JAKOA ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri KKLW dan Timbalan-timbalan Menteri KKLW di atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan kepada seluruh anggota JAKOA. Ucapan terima kasih

juga dipanjangkan kepada semua pemimpin negara, agensi Kerajaan dan NGOs yang terlibat dalam menyampaikan bantuan kebajikan dan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kemajuan Orang Asli